

Media Title : Berita Harian
Headline : Lawan scammer tak boleh hanya bergantung nasib, sekadar kempen
Date : 10 December 2025
Section : Mindapembaca
Page : 13



Lawan scammer tak boleh hanya bergantung nasib, sekadar kempen

Siti Nur
Nadhira,
Cheras

Scam telefon bukan lagi sekadar gangguan tetapi sudah berubah menjadi jenayah profesional, terancang dan tersusun yang meragut simpanan hidup rakyat Malaysia setiap hari. Modus operandi semakin canggih, skrip penipuan semakin meyakinkan dan rangkaian penjenayah semakin kebal. Sedihnya, walaupun laporan demi laporan dibuat, rakyat tetap menjadi mangsa utama, seolah-olah kita berperang tanpa perisai.

Dalam suasana keselamatan siber semakin rapuh, pelbagai bentuk scam kini menghantui telefon rakyat Malaysia. Antara paling berbahaya ialah *impersonation* dan *caller-ID spoofing*, iaitu serangan psikologi direka untuk menakutkan mangsa hingga hilang rasional.

Penipu menyamar sebagai pegawai bank, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), mahkamah malah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dengan paparan nombor rasmi dipalsukan. Mereka mencipta panik melalui 'waran tangkap', 'akaun dibekukan' atau 'kes mahkamah', sebelum mengarahkan mangsa memberikan kata laluan guna sekali (OTP) atau memindahkan wang ke 'akaun selamat'. Jika panggilan datang dengan tekanan dan arahan aneh, itu ialah scam 100 peratus meskipun nombornya kelihatan rasmi.

Tidak kurang liciknya ialah scam pelaburan. Dengan suara meyakinkan, skrip profesional dan testimoni palsu, kumpulan ini menjual impian berganda kononnya pulangan terjamin. Taktik mereka adalah dengan menjanjikan pulangan *absurd* kononnya 'dijamin dan menggunakan skrip seolah-olah dari syarikat berdaftar hingga mendesak mangsa masuk 'slot terhad hari ini', lalu mengarahkan pindahan wang segera untuk *reserve investment*.

Scam paling tidak berperikemanusiaan pula ialah *love scam* kerana mereka tidak hanya mencuri wang, bahkan kepercayaan dan hati mangsa. Selepas berbulan-bulan bina hubungan dalam talian, pelaku telefon mangsa dengan suara simpati dan kisah sedih seperti kemalangan, kos pembe-

dahan, ditahan imigresen atau akaun dibekukan.

Satu lagi penipuan semakin menjadi-jadi ialah *parcel* atau *delivery fee scam*, memanfaatkan peningkatan budaya belian dalam talian. Mangsa diberitahu ada bungkusan tertahan, diminta membayar caj tambahan atau diarahkan mengisi maklumat kad kredit melalui pautan palsu. Ini bukan sekadar tipu caj, sebaliknya pencurian identiti.

Scam sokongan teknikal juga membimbangkan. Panggilan kononnya daripada syarikat teknologi

mendakwa peranti atau akaun bank mangsa digodam sering membawa kepada arahan memasang aplikasi kawalan jauh. Sebaik akses diberi, penipu merompak akaun mangsa secara langsung tanpa mereka sedari.

Begitu juga dengan scam hadiah, loteri atau tawaran kerja yang mengeksploitasi harapan mangsa melalui kemenangan palsu atau yuran pemprosesan yang akhirnya lesap tanpa jejak.

Pengguna kena pertahankan diri

Semua ini menjadi-jadi kerana scammer kini beroperasi dalam sindiket antarabangsa yang mempunyai pusat panggilan gelap, perisian pemalsuan nombor mudah dibeli, kemahiran psikologi memanipulasi emosi serta rangkaian *runner* untuk mengaburi jejak kewangan. Rakyat sering dibiarkan berperang sendiri.

Namun, kita sebagai pengguna masih boleh mempertahankan diri. Jangan sekali-kali memberikan OTP, kata laluan, maklumat kad atau data peribadi melalui telefon kerana tiada agensi sah akan berbuat demikian.

Jika panggilan mencurigakan, putuskan serta-merta dan hubungi nombor rasmi agensi berkenaan. Jangan memasang aplikasi kawalan jauh atas arahan orang tidak dikenali. Aktifkan pengesanan dua faktor lebih selamat daripada khidmat pesanan ringkas (SMS), semak transaksi bank dengan kerap dan laporkan semua panggilan mencurigakan kepada CCID Scam Response Center di talian 997, Cyber999 (myCERT) atau fungsi laporan dalam aplikasi bank.

Scam telefon bukan isu kecil atau masalah individu, sebaliknya ia ancaman terhadap negara yang merosakkan ekonomi rakyat satu demi satu. Rakyat tidak boleh terus bergantung kepada nasib dan pihak berkuasa tidak boleh lagi selesa dengan kempen kesedaran yang tidak memadai.

Scam berkembang kerana wujud ruang dan kelonggaran. Selagi penipu boleh memalsukan nombor rasmi tanpa had, kita belum benar-benar selamat.

Scam berkembang kerana wujud ruang dan kelonggaran. Selagi penipu boleh memalsukan nombor rasmi tanpa had, kita belum benar-benar selamat

